

300 PELAJAR UMT BUAT KOLAM

SEMANGAT MERDEKA. Seramai 300 pelajar pelbagai kaum Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama-sama berganding bahu menghasilkan 51 kolam semalam.

Ia anjuran Kumpulan Kebudayaan Baratham UMT sebagai simbolik sambutan kemerdekaan negara dengan menggunakan kira-kira 300 kilogram hampas kelapa.

Usaha itu berlangsung selama tiga jam bermula pukul 8.30 pagi di Dewan Sultan Mizan, UMT bersempena majlis Citrawarna UMT 2008.

Antara bentuk kolam yang dihasilkan ialah logo kemerdekaan, Jalur Gemilang, bendera Terengganu dan masjid kristal, lambang penyu, logo Monsoon Cup, logo Sukan Malaysia 2008 serta banyak lagi.

Hadir memeriahkan majlis ialah Pengerusi Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan negeri, Datuk Zaabar Mohd. Adib dan Pengarah Program, K. Logavannan.



ZAABAR (tengah) menyiapkan hiasan kolam sempena Program Citrawarna Universiti Malaysia Terengganu di Kuala Terengganu semalam. *KASHO 14/09/08 pg. 4*